


**SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN
MUZIK (LIVE BAND), KARAOKE, TARI MENARI
KELAB MALAM, BAR/PUB, DAN LOUNGE,**

1. TEMPAT/BANGUNAN

- 1.1. Pelan Bangunan telah diluluskan oleh Penguasa Tempatan.
- 1.2. Papan Tanda/Iklan/Poster hendaklah mengikut peraturan dan diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Penguasa Tempatan
- 1.3. Alat Pemadam Api hendaklah mengikut syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba;
- 1.4. Perabut dan peralatan-peralatan lain yang ditempatkan dalam premis jangan menghalang laluan ke pintu keluar dan pintu kecemasan. Kerusi yang tinggi melebihi bahu tidak dibenarkan (sila kemukakan contoh gambar kerusi dan meja berkenaan). Satu salinan susunatur kerusi, meja, kedudukan pentas, kaunter baru dan pintu keluar masuk hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah Johor Bahru;
- 1.5. Lampu dalam bangunan hendaklah dipasang dengan terang supaya mudah mengenal di antara satu dengan yang lain (easily identifiable). Penggunaan lampu-lampu picit (torch light) adalah dilarang;
- 1.6. Peti Ubat hendaklah sentiasa lengkap dan boleh digunakan serta ditempatkan diruang yang mudah diperolehi;
- 1.7. Sediakan tanda larangan dan tanda arah yang berikut dipintu masuk utama premis perniagaan yang mudah dilihat (sekiranya premis mempunyai Lesen Rumah Awam Kelas 1):-


i.

$\frac{1}{2}$ meter




$\frac{1}{4}$ meter

ii.



iii.



iv. Tanda arah Pintu Keluar dan Pintu Keluar Kecemasan.

2. PEKERJA/KAKITANGAN

- 2.1. Semua pekerja/pelayan yang bekerja di dalam premis/bangunan hendaklah berumur 21 tahun ke atas dan terdiri dari warganegara Malaysia. **Pekerja yang bukan warganegara hendaklah mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah;**
- 2.2. Pakaian hendaklah sesuai tidak terlalu menjolok mata (terdedah);
- 2.3. Semua pekerja hendaklah diperiksa dan diakui 'Medically Fit' oleh Pegawai Kesihatan;
- 2.4. Pekerja hendaklah sentiasa berbudi bahasa;

3. ARTIS/PEMUZIK

- 3.1. Pemain muzik, penyanyi dan mereka yang membuat persembahan berbentuk "live" hendaklah berpakaian kemas dan sopan;
- 3.2. Dilarang menanggalkan pakaian ketika membuat persembahan;
- 3.3. Penari Separuh Bogel hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga Penapis;
- 3.4. Persembahan dari artis-artis Luar Negeri hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga Penapis;
- 3.5. Artis yang bukan Warganegara hendaklah mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah (Professional Visit Pass to Perform as an Artist) dari Jabatan Imigresen.

4. PERSEMBAHAN

- 4.1. Tiada Persembahan yang berunsur menghasut dan lucah;
- 4.2. Nyanyian dan Muzik tidak terlalu bising hingga mengganggu ketenteraman orang awam yang di luar premis yang dilesenkan;
- 4.3. Bentuk persembahan hendaklah menggambarkan masyarakat berbilang bangsa dan bahasa;

5. LESEN

Pengusaha-pengusaha tempat hiburan sebagaimana yang dimaksudkan hendaklah mendapatkan lesen-lesen yang berkenaan yang sah dan sentiasa disimpan dalam premis yang dilesenkan:-

- i. Lesen Perniagaan dan Lesen dari Penguasa Tempatan;
- ii. Lesen Rumah Awam (Kelas I dan II) untuk menjual minuman keras.
- iii. Lesen Tari Menari untuk mengadakan tari menari;
- iv. Lesen Muzik (Live Band) untuk mengadakan muzik live band.

- v. Lesen Karaoke untuk mengadakan nyanyian karaoke;
- vi. Lesen untuk Lanjutan Masa hendaklah didapatkan untuk menjual minuman keras, muzik, karaoke dan tarian sekiranya diadakan selepas jam 12.00 tengah malam.
- vii. Lesen berasingan hendaklah didapatkan sekiranya perniagaan dibuat di dua atau lebih dari satu bangunan dan dua atau lebih sekatan dalam satu ruang , walaupun dipunyai oleh orang atau syarikat yang sama.
- viii. Mengenakan bayaran masuk yang bertiket, loteri, nombor bertuah dan seumpamanya hendaklah mendapat kebenaran dan tertakluk dibawah Cukai Hiburan.

6. AM

- 6.1. Lapurkan kepada Polis jika terdapat pergaduhan, kegiatan Penggunaan Dadah dan Pengedaran Dadah;
- 6.2. Beri bantuan segera jika terdapat orang sakit.

7. DENDA/HUKUM

Sekiranya berlaku pelanggaran syarat di butiran 1 hingga 5 termasuk butiran kecilnya, pentadbiran ini akan mengambil **tindakan Penguatkuasaan mengikut undang-undang di bawah Seksyen 16(1) Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1998, Pegawai Pelesen boleh membatalkan Lesen serta merampas Wang Amanah.**

PEJABAT DAERAH,
JOHOR BAHRU